

Hadiah penyapu tingkat mutu kerja

Oleh FAUZIAH AROF
(WARTAWAN UTUSAN)

U.M. M/S 10 21.3.07

PENYAPU dan kad prestasi? Mungkin dua benda itu tidak memberi sebarang makna kepada anda tetapi tidak di negeri Selangor.

Ia menjadi amat penting apabila dilekakkan sebagai pengukur kepada prestasi kerja pegawai kerajaan khususnya bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di negeri itu.

Sudah hampir dua bulan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berjanji akan menghadiahkan sebatang penyapu kepada mana-mana PBT dan PTD yang tidak cemerlang dan gagal mencapai sasaran kerajaan negeri.

Bagi setiap PBT dan PTD sudah tentu janji bersungguh-sungguh Mohamad Khir yang dibuat pada satu majlis di Shah Alam itu sedikit sebanyak menyegarkan dan mengembalikan tenaga mereka untuk berusaha lebih dari apa yang ditunjukkan sekarang.

Apatah lagi, menurut Menteri Besar paling muda itu, kelak akan diadakan pula satu majlis khas bagi penyerahan penyapu tersebut kepada Yang Dipertua dan Ketua Jabatan.

"Mana-mana PBT dan PTD yang gagal berkhidmat dengan baik termasuk mengutip cukai kita akan hadiahkan penyapu. Ia sebagai tanda simbolik untuk mereka membuat 'pembersihan pejabat' bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan," kata Mohamad Khir.

Walaupun bunyinya agak lucu dan mungkin ramai yang berkata 'perlu ke', tetapi sudah pasti perkara tersebut bukan sesuatu yang main-main bagi Mohamad Khir.

Mungkin beliau sudah mengkaji keberkesanannya dalam menongkah cabaran untuk menjadikan PBT dan PTD di negeri ini sebagai yang terbaik, sama padan dengan status Selangor sebagai negeri paling maju di negara ini.

Lebih-lebih lagi apabila menyedari banyak kepincangan yang berlaku dalam PBT seperti kelulusan lesen rumah urut yang lebih cepat dari kedai runcit, kurangnya pemantauan terhadap pusat

hiburan, pembinaan bangunan tanpa kebenaran, kegagalan mengutip cukai, masalah pungutan sampah, longkang tersumbat dan lain-lain lagi.

Masalah-masalah itu masih lagi terus berakar di negeri ini walaupun pelbagai cara dilakukan oleh kerajaan negeri termasuk mengadakan kursus tertentu kepada para pegawai yang bukan sahaja merangkumi aspek penguatkuasaan dan perundangan tetapi juga elemen membanteras rasuah.

Tidak cukup dengan itu, Mohamad Khir pula memperkenalkan kad prestasi kerja dalam usaha meningkatkan mutu dan kecepatan kerja penjawat awam, khusus untuk menilai perkhidmatan pegawai kerajaan di negeri itu.

Melalui sistem ini, mereka yang dapat melaksanakan tugas dalam tempoh dua minggu diberikan kad hijau, tiga minggu kad kuning dan empat minggu akan menerima kad merah.

Kata beliau, langkah tersebut bukan bertujuan mencari salah pegawai-pegawai tapi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.

Bagaimanapun, sistem kad prestasi

itu dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan lagi selepas perisian untuk melaksanakan sistem tersebut dibangunkan.

Memang sewajarnya kerajaan negeri mengambil langkah-langkah dan tindakan tertentu untuk meletakkan perkhidmatan awamnya berada di tahap yang tinggi walaupun mengambil pendekatan yang tidak popular.

Sepanjang tahun lalu, seramai 11 orang kakitangan awam di Selangor telah dibuang kerja daripada 84 orang yang dikenakan tindakan disiplin.

Bagaimanapun, tindakan tersebut menunjukkan pengurangan berbanding tahun 2005, yang mencatatkan 37 orang dibuang kerja daripada 100 yang dikenakan tindakan.

Ramai yang menantikan apakah formula penyapu dan kad prestasi ini akan memberikan kesan baik kepada mutu perkhidmatan awam di negeri ini.

Bagi PBT dan PTD di Selangor pula sudah tentu tidak mahu mencatat sejarah menjadi penerima penyapu pertama sejak tindakan tersebut diperkenalkan di negeri itu tahun ini.